

TEKS UCAPAN
Y.B. DATUK HAJAH ROSNAH BINTI HJ ABDUL RASHID SHIRLIN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

KEMPEN ADVOKASI
KESELAMATAN LEBUH RAYA
SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA
2017

19 JANUARI 2017
MANAGEMENT AND SCIENCE UNIVERSITY (MSU)
SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Salutasi *****tertakluk kepada jemputan VIP:***

Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari Haji Akob

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato Ir. Haji Ismail Md. Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia En Sazally Saidi

Timbalan Yang DiPertua Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM)

Yang Berbahagia Professor Tan Sri Datuk Wira Dr. Mohd Syukri Ab Yajid

Presiden Management & Science University (MSU)

Dif-dif kehormat, wakil-wakil Syarikat Konsesi, rakan- rakan media, tuan tuan dan puan puan hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

Alhamdulillah, pertama kalinya, marilah kita memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, dapat kita bersama-sama pada hari yang cukup bermakna ini untuk pelancaran **Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2017**. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Management & Science University (MSU) serta semua pihak yang terlibat dalam usaha menjayakan program kempen advokasi ini.

Alhamdulillah, kempen advokasi yang akan kita saksikan sebentar lagi masih mengekalkan pakai tema *hashtag* **#Respeklabro** yang telah diperkenalkan oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) sempena Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya Perayaan Aidilfitri 2016 yang lalu.

KOMITMEN KEMENTERIAN KERJA RAYA TERHADAP PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR YANG SELAMAT UNTUK PENGGUNA LEBUH RAYA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

1. Kita semua sedang menuju ke arah Wawasan 2020. Justeru, Kerajaan menerusi peranan strategik yang diterajui oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) amat komited dalam membangunkan infrastruktur dan kemudahan yang selamat untuk rakyat, di samping dapat menambah baik kualiti hidup rakyat dalam pelbagai aspek. Oleh yang demikian, KKR telah merangka pelbagai strategi yang komprehensif serta *diversified* dalam melaksanakan projek pembangunan negara bertunjangkan matlamat “pertumbuhan berpaksikan rakyat”.
2. Berdasarkan sumber dan statistik daripada Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), jumlah kemalangan yang direkodkan di seluruh Malaysia adalah sebanyak 489,606 melibatkan 6,706 kematian sepanjang tahun 2015. Ini menyaksikan peningkatan sebanyak hampir 3% daripada tahun sebelumnya (2014) yang mencatatkan 476,196 kemalangan dan 6,674 kematian. Sejak 10 tahun yang lepas, lebih daripada 6,000 kematian direkodkan setiap tahun dan ini menunjukkan kadar kematian di jalan raya adalah lebih daripada 18 orang setiap hari.
3. Justeru sebagai usaha untuk membantu mengurangkan statistik kemalangan yang direkodkan khususnya di lebuhraya ini, KKR, telah

meletakkan pembaikan kawasan yang kerap berlaku kemalangan atau *blackspot* sebagai salah satu daripada *Key Performance Indicator (KPI)* KKR. Ini dibuktikan dengan perbelanjaan sebanyak RM 4.15 juta bagi pelaksanaan kerja kerja rehabilitative works di 10 lokasi jalan raya dan lebuh raya yang kerap berlaku kemalangan pada tahun 2016. Disamping itu, syarikat – syarikat konsesi turut komited dalam menaik taraf lebuh raya masing - masing dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan seperti menukar penghadang jambatan dan rel adang kepada yang lebih selamat, penggunaan turapan jenis '*micro surfacing*', '*porous asphalt*', penambahan peralatan '*safety measure*' seperti pemasangan papan tanda LED, '*flashing amber*', '*transverse bar*' , '*rolling barrier*' dan banyak lagi.

TANGGUNGJAWAB DAN SIKAP PENGGUNA JALAN RAYA / LEBUH RAYA

Hadirin sekalian,

4. Punca utama kemalangan jalan raya rata-rata disebabkan oleh faktor kecuaiian dan sikap pemandu sendiri, seperti contoh memandu melebihi had laju, berlumba, melanggar peraturan lampu isyarat, menukar laluan tanpa isyarat dan mengguna telefon bimbit semasa memandu. Ada juga kalangan pemandu yang bersikap mementingkan diri dan sengaja

melanggar lampu isyarat, memotong barisan (potong Q) dan menggunakan laluan kecemasan di lebuh raya.

5. Sehubungan itu, Kempen Advokasi **#Respeklabro** ini merupakan satu lagi program keselamatan yang berteraskan pendidikan berterusan (*continuous education programme*) dan advokasi khususnya terhadap agen perubahan iaitu, generasi muda seperti pelajar-pelajar sekolah dan universiti. Ianya juga bertujuan untuk menerapkan nilai pemanduan berhemah, supaya kita menghormati dan lebih bertimbang rasa di atas jalan raya. Ini selaras dengan status Malaysia sebagai sebuah negara yang pesat membangun, yang sememangnya mengutamakan pembangunan modal insan yang berkualiti. Oleh yang demikian, dalam hubungan ini, elemen pendidikan sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan.

PENINGKATAN BILANGAN TRAFIK DAN KENDERAAN DI MUSIM PERAYAAN

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Bagi musim perayaan Tahun Baru Cina tahun ini, kita menjangkakan pertambahan trafik harian di lebuh raya- lebuh raya utama berbanding dengan bilangan trafik harian di luar musim perayaan. Justeru, bagi menampung pertambahan jumlah trafik yang tinggi ini, LLM dan PDRM serta dengan kerjasama syarikat-syarikat konsesi lebuh raya

seluruh negara telah bersedia untuk membantu pengguna dengan langkah-langkah proaktif dalam melancarkan aliran trafik dan memastikan keselamatan mereka sewaktu musim perayaan nanti. Antaranya:

- Menempatkan anggota pasukan PDRM, JPJ dan RELA di kawasan lalulintas di plaza tol dan kawasan Rehat & Rawat (R&R) untuk tujuan kawalan trafik dan keselamatan;
- Mengaktifkan laluan *contra flow* di beberapa lokasi lebuhraya yang sesak dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia (PDRM);
- Membuka semua lorong termasuk menyediakan lorong tambahan di plaza tol untuk mempercepatkan transaksi tol;
- Menempatkan kren dan kembalik (*tow-truck*) di lokasi-lokasi strategik bagi proses pemindahan kenderaan yang rosak dan yang terlibat dengan kemalangan; dan
- Menyediakan pasukan tindakan kecemasan terdiri dari pasukan Bomba, Ambulans, JPAM, St John Ambulans dan lain-lain di kawasan rehat dan rawat yang terpilih.
- Mempaparkan situasi trafik semasa di Variable Message System (VMS), Portable Variable Message Sign (PVMS), serta laman sosial Twitter rasmi LLM dan PLUS Trafik untuk makluman pengguna; dan

- Menyediakan kemudahan bekalan air tambahan dan tandas tambahan di lokasi hentian sebelah dan kawasan rehat dan rawat (R&R) untuk keselesaan pengguna.

7. Pengguna dinasihatkan untuk mengikuti Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (*Travel Time Advisory*) untuk pengguna Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur yang telah disediakan oleh pihak PLUS Berhad dan ANIH Berhad. Pada masa yang sama, pengguna juga adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat trafik terkini daripada pusat pengurusan trafik TMC LLM yang akan beroperasi 24 jam sehari untuk perancangan perjalanan. Maklumat mengenai perkembangan trafik terkini di semua kawasan yang terlibat akan disampaikan kepada pengguna bagi membolehkan mereka membuat pilihan perjalanan yang lebih bersesuaian.

ARAHAN HENTI KERJA DAN LARANGAN PENGGUNAAN KENDERAAN BERAT

Untuk makluman hadirin yang dihormati,

8. LLM juga telah mengeluarkan arahan henti kerja (*stop order work*) di lebuhraya kecuali bagi kerja-kerja kritikal sahaja bermula dari 21 Januari 2017 sehingga 5 Februari 2017. Langkah ini dapat mengurangkan kesesakan di lebuhraya yang disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan.

DISKAUN DAN REBAT TOL SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2017

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Saban tahun, syarikat-syarikat konsesi lebuah raya turut memainkan peranan ketika musim perayaan dengan menawarkan diskaun tol kepada pengguna-pengguna lebuah raya sebagai salah satu insentif istimewa. Alhamdulillah, sempena dengan sambutan perayaan Tahun Baru Cina 2017, sebanyak 19 buah syarikat konsesi lebuah raya akan menawarkan insentif tersebut kepada pengguna dalam bentuk diskaun dan rebat tol dalam memenuhi obligasi tanggungjawab korporat sosial (CSR) mereka terhadap pengguna.

10. Melalui insentif ini, saya percaya pengguna akan turut merasa dihargai oleh syarikat konsesi yang kerap menggunakan lebuah raya mereka. Rata-rata 19 buah syarikat konsesi lebuah raya akan menawarkan diskaun dan rebat tol pada kadar 2% - 20% di antara 28 Januari 2017 sehingga 29 Januari 2017.

11. PLUS Malaysia Berhad yang mengendalikan lima (5) lebuah raya pula akan menawarkan rebat tol sebanyak 50% bagi perjalanan yang melebihi 100km kepada pengguna-pengguna kenderaan Kelas 1 yang membuat Bayaran Tol Secara Elektronik (ETC) pada 27 Januari 2017, 30 Januari 2017, 3 Februari 2017 & 4 Februari 2017.

HARAPAN DAN UCAPAN SELAMAT TAHUN BARU CINA 2017

Hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Besarlah harapan saya dan Kerajaan sekiranya kita mampu membuat perubahan dan menjadikan jalan raya dan lebuh raya kita tempat yang selamat, apabila pengguna masing-masing faham akan tanggungjawab mereka dan mengamalkan sikap pemanduan yang berhemah. Sikap pengguna jalan raya dan lebuh raya yang prihatin akan dapat mengurangkan kadar kemalangan.

13. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua jemputan yang hadir pada Majlis Pelancaran Kempen Advokasi ini. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada LLM, JKR, PSKLM, PDRM dan agensi awam dan swasta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kempen keselamatan ini.

PENUTUP

14. Akhir kata, dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim”, saya dengan sukacitanya melancarkan **Kempen Advokasi Keselamatan Lebuh Raya Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2017 #Respeklabro ini.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.